

## SEKURITI MAKANAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH\*

Asmak Ab Rahman\*\*

### ABSTRACT

*Food is one of the basic needs for human being. Food security is essential to the survival of human being. This research analyzed food security from the FAO definition and further redefined from Syariah perspective. Based on the definition by FAO, we found that the element of halal and tayyibah should be included in defining food security from Syariah perspective. We discovered that Islam emphasizes on food security and rank it as al-daruriyyat, which has to be fulfilled by everyone. In order to ensure food security among the society, Islam has employed numerous mechanisms such as paying zakat fitrah, dam, kaffarah, fidyah and sadaqah that are applicable to Muslims and these are considered as part of ibadah (worship).*

**Keywords:** food security, food policy, Islamic perspective

### PENDAHULUAN

Makanan merupakan keperluan asas manusia untuk hidup. Oleh itu, setiap orang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupannya. Ketiadaan bekalan makanan, ataupun ketidakmampuan untuk memperoleh

\* Artikel ini merupakan hasil kajian geran penyelidikan FS139/2008B.

\*\* Senior Lecturer, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my

makanan yang diperlukan untuk hidup, boleh membawa pelbagai masalah seperti penyakit, kematian dan sebagainya.

Menurut Yuksel<sup>1</sup> dianggarkan seramai 825 juta manusia di seluruh dunia tidak dapat memperoleh makanan yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan produktif. Kelaparan membawa kepada banyak kesan seperti terdedah kepada penyakit dan kematian, perkembangan otak yang terbatas, dan produktiviti yang rendah dalam kalangan generasi akan datang. Kelaparan juga menjadi penghalang utama kepada sesebuah negara untuk membangunkan ekonomi, sosial dan politik. Wanita dan kanak-kanak yang hidup di negara-negara membangun pula terdedah kepada kelaparan. Kelaparan, kemiskinan dan penyakit adalah berkait antara satu sama lain, malah Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan bahawa seseorang yang tidak mendapat makanan yang mencukupi merupakan ancaman utama kepada kesihatan seseorang.<sup>2</sup>

Dalam Islam, keperluan kepada makanan ada kalanya boleh menggugat keimanan seseorang. Malah dalam sejarah peradaban Islam, makanan telah dijadikan mukjizat kepada para Rasul untuk menjadi bukti tentang kebenaran kerasulan mereka seperti makanan yang dinamakan *manna* dan *salwā*, iaitu mukjizat Nabi Musa.

Islam telah menggariskan beberapa mekanisme untuk memastikan makanan dapat dinikmati oleh manusia sama ada yang kaya mahupun miskin. Mekanisme agihan makanan itu ialah melalui zakat pertanian, zakat ternakan, zakat fitrah, aqiqah, korban, denda haji, kifarat, fidyah dan sedekah sunat. Kesemua agihan itu khusus untuk fakir miskin kecuali aqiqah dan korban yang boleh diberikan kepada kaum kerabat dan dimakan sendiri oleh pelakunya.

## DEFINISI MAKANAN

Perkataan makanan atau *al-Ta‘ām* dalam bahasa Arab ialah kata plural bagi *ta‘ama* yang bermaksud “segala yang dimakan”. Perkataan ini banyak kali

<sup>1</sup> Yuksel, Nalan (2005). *Halving Hunger: It Can Be Done*. London, GBR: Earthscan Publications, Limited, h. 19; <http://site.ebrary.com/lib/malaya/Doc?id=10128959&ppg=44>, akses 4 Jun 2007.

<sup>2</sup> World Health Organization (2002). *World Health Report 2002: Reducing Risks, Promoting Healthy Life*. Geneva.

disebut dalam al-Qur'an dan ḥadīth. Ibn al-Āthīr pula lebih cenderung merujuk perkataan makanan kepada makanan asasi seperti gandum, tamar, *sya'ir* dan sebagainya.<sup>3</sup>

Sumber makanan adalah daripada tanaman dan ternakan sebagaimana telah dijelaskan oleh Allah dalam al-Qur'an. Buah-buahan dan biji-bijian tersebut antaranya ialah zaitun, delima, anggur, biji-bijian dan sebagainya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula daripada tanaman itu buah yang bergugus-gugus, dan daripada pohon tamar daripada mayang-mayangnya, Kami keluarkan tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik, dan kami jadikan kebun-kebun daripada anggur dan zaitun serta buah delima yang bersamaan bentuk, rupa dan rasanya dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila berbuah dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Kami bagi orang-orang yang beriman."*

(Surah al-An‘ām 6:99)

Ayat yang lain bermaksud:

*"Dan bumi pula dijadikan-Nya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhluk-Nya yang lain. Terdapat padanya pelbagai jenis buah-buahan dan pokok-pokok kurma yang ada kelopak mayang. Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi bunga-bungaan yang harum."*

(Surah al-Rahmān, 55:10-12)

Makanan daripada sumber binatang pula terdiri sama ada binatang yang hidup di darat, mahupun binatang yang hidup di dalam air. Binatang membekalkan daging dan juga keperluan diet yang lain seperti susu dan madu sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Nāḥl ayat


---

<sup>3</sup> Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (1990), *Lisān al-`Arāb*. j. 12. Beirut: Dar Sadir, hh. 363-364.

5,<sup>4</sup> Surah al-Nahl ayat 14,<sup>5</sup> Surah al-Nahl ayat 66,<sup>6</sup> Surah al-Nahl ayat 68-69,<sup>7</sup> dan Surah al-Mu'minūn ayat 21.<sup>8</sup>

Keperluan makanan oleh manusia bukan semata-mata diperlukan sewaktu hidup di dunia ini, malah sewaktu dibangkitkan semula pada hari akhirat nanti pun manusia masih memerlukan makanan sebagaimana yang dirumuskan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Keperluan Makanan Bagi Manusia.



<sup>4</sup> Maksudnya: "Dan binatang-binatang ternak itu, Dia juga menciptakannya untuk kamu terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh daripada sejuk dan beberapa faedah yang lain dan daripadanya juga kamu makan." (Surah al-Nahl, 16:5)

<sup>5</sup> Maksudnya: "Dan Dialah yang memudahkan laut supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup." (Surah al-Nahl, 16:14)

<sup>6</sup> Maksudnya: "Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya yang lahir daripada antara hampas makanan dengan darah, iaitu susu yang bersih yang mudah diminum lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya." (Surah al-Nahl, 16:66)

<sup>7</sup> Maksudnya: "Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah, hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan manusia. Kemudian makanlah daripada segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan yang engkau sukai serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang dilihamkan dan dimudahkannya kepadamu. Dengan itu akan keluarlah dari dalam badannya minuman madu yang berlainan warnanya yang mengandungi penawar bagi manusia daripada berbagai-bagai penyakit. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda yang membuktikan kemurahan Allah bagi orang-orang yang mahu berfikir." (Surah al-Nahl, 16:68-69)

<sup>8</sup> Maksudnya: "Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya. Kami beri kamu minum daripada susu yang ada dalam perutnya dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu." (Surah al-Mu'minūn, 23:21)

Kesimpulan ini dapat dirumuskan berdasarkan penerangan al-Qur'an tentang jenis-jenis makanan bagi ahli syurga dan neraka. Makanan ahli syurga ialah pelbagai jenis makanan yang lazat dan enak, manakala makanan ahli neraka ialah makanan yang akan merosakkan fizikal mereka sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Sifat syurga yang telah dianjikan kepada orang-orang yang bertakwa ialah seperti berikut, ada padanya beberapa sungai daripada air yang tidak berubah rasa dan baunya, dan beberapa sungai daripada susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai daripada arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai daripada madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan serta keredaan daripada Tuhan mereka. Adakah orang yang tinggal kekal di dalam syurga yang sedemikian itu keadaannya sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum daripada air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur?"*

(Surah Muhammadiyah, 47:15)

Ayat ini memberikan gambaran bahawa di dalam syurga terdapat sungai madu, sungai susu, sungai arak yang mana ianya boleh diminum dan lebih enak daripada susu, madu dan arak yang terdapat di dunia, manakala air minuman ahli neraka pula akan memusnahkan isi perut mereka kerana tersangat panas.<sup>9</sup>

Dalam ayat yang lain turut dicatatkan bahawa makanan penghuni syurga adalah pelbagai dan mengikut cita rasa serta keinginan penghuninya,<sup>10</sup> sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan penduduk syurga itu kami tambahi mereka dari semasa ke semasa dengan buah-buahan dan daging daripada berbagai-bagai jenis yang mereka ingini."*

(Surah al-Tūr, 52:22)

Ini menunjukkan bahawa isu kepentingan makanan itu diambil berat dalam Islam. Makanan dijadikan sebagai satu motivasi kepada manusia supaya sentiasa taat kepada Allah SWT untuk mendapat balasan syurga, kerana antara ganjaran bagi penghuni syurga ialah makanan yang sangat lazat. Bagi penghuni neraka pula, gambaran makanan mereka yang dahsyat dan menakutkan menjadi amaran kepada umat Islam agar menjauhkan diri daripada neraka dengan tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

<sup>9</sup> Ibn Kathīr (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*. j. 13. Jizah: Muassasah Qurtubah, hh. 68-70.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 235.

## SEJARAH KEPENTINGAN MAKANAN DALAM ISLAM

Bermula pada zaman Nabi Adam lagi, penekanan terhadap sekuriti makanan dititikberatkan. Nabi Adam dan keluarganya telah menjadikan bercucuk tanam dan memelihara binatang sebagai sumber bekalan keluarga mereka. Anak baginda, Qabil telah mengusahakan pertanian, manakala Habil pula menternak binatang. Hujah bahawa mereka adalah petani dan penternak pertama yang mengusahakan pertanian dan penternakan sebagai sumber makanan keluarga, ialah apabila mereka berdua diminta oleh ayahanda mereka, Nabi Adam supaya mempersesembahkan hasil tanaman dan ternakan mereka kepada Allah SWT di atas sebuah gunung sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT yang melimpahkan rezeki kepada mereka.

Habil telah mempersesembahkan biri-biri yang gemuk, manakala Qabil mempersesembahkan tanaman yang busuk dan tidak elok. Persembahan Habil telah diterima dan persembahan Qabil telah ditolak oleh Allah SWT.<sup>11</sup> Peristiwa penolakan korban Qabil ini diceritakan dalam al-Qur'an<sup>12</sup> yang berakhir dengan pembunuhan Habil.

Oleh sebab pentingnya makanan kepada manusia, Allah SWT telah mengurniakan seekor unta betina sebagai mukjizat kepada Nabi Saleh untuk membuktikan kerasulan baginda kepada kaumnya. Unta tersebut membekalkan susu kepada kaumnya dan susunya tidak kering walaupun sentiasa diperah.

---

<sup>11</sup> Ibn Kathīr, Isma‘il bin ‘Umar (1994), *Qaṣaṣ al-Anbiyā*. Beirut: Dar al-Khayr, h. 48.

<sup>12</sup> Maksudnya: “Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersesembahkan suatu persembahan korban (kerana mendampingkan diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) daripada yang lain (Qabil). Berkata (Qabil): “Demi sesungguhnya aku akan membunuhmu!” Jawab (Habil): “Sesungguhnya Allah menerima (korban) daripada orang-orang yang bertakwa.” “Demi sesungguhnya jika engkau hulurkan tanganmu kepada aku untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Kerana sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan yang mentadbirkan sekalian alam”. “Sesungguhnya aku mahu supaya engkau kembali dengan (membawa) dosa (membunuh) ku dan dosamu sendiri. Maka dengan itu menjadilah engkau daripada ahli neraka, dan itulah dia balasan orang-orang yang zalim”. Maka nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga ia tergamak) membunuh saudaranya, lalu dibunuhnya. Oleh itu menjadilah dia daripada golongan orang-orang yang rugi.” (Surah al-Māidah, 5:27-30).

Pemberian susu oleh Allah SWT kepada umat Nabi Saleh menjadi petanda kerasulan baginda dan menarik sebahagian besar daripada kaumnya beriman kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan wahai kaumku, ini adalah unta betina daripada Allah untuk kamu sebagai tanda mukjizat yang membuktikan kebenaranku. Oleh itu, biarkanlah dia mencari makan di bumi Allah dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang menyakitinya, kalau kamu menyakitinya maka kamu akan ditimpah azab seksa yang dekat datangnya.”*

(Surah Hūd, 11: 64)

Walau bagaimanapun sebahagian kaumnya yang ingkar dan kufur telah membunuh unta itu dan diturunkan azab kepada mereka. Cerita ini dapat dihayati dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Ingatlah kaum Thamud telah mendustakan Rasulnya dengan sebab perbuatan derhaka mereka yang melampaui batas. Ketika orang yang sehabis-habis jahat antara mereka menerima perintah daripada mereka supaya membunuh unta yang menjadi mukjizat. Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Saleh) kepada mereka, “Janganlah kamu ganggu unta betina daripada Allah itu dan janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat air minumnya.” Lalu mereka mendustakannya serta menyembelih unta itu. Dengan sebab dosa mereka, maka Tuhan menimpakan mereka dengan azab yang membinasakan serta Allah meratakan azab itu meliputi mereka sehingga punah-ranah semuanya.”*

(Surah al-Syams, 91:11-14)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

*“Dan tiada yang menghalang Kami daripada menghantar turun mukjizat yang mereka minta itu melainkan kerana jenis mukjizat itu telah didustakan oleh kaum-kaum yang lalu, dan antaranya kami telah pun memberikan kepada kaum Thamud unta betina sebagai mukjizat yang menjadi keterangan yang nyata, lalu mereka berlaku zalim kepadanya, dan Kami tidak menghantar mukjizat-mukjizat itu melainkan untuk menjadi amaran.”*

(Surah al-Isrā’, 17:59)

Kisah Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Isma‘il juga turut mengisahkan tentang kepentingan makanan kepada manusia. Nabi Ibrahim telah membawa isterinya, Hajar dan Isma‘il ke lembah yang kering dan tidak mempunyai air

dan meninggalkan mereka di situ bersama bekalan tamar dan air. Walaupun sedih ditinggalkan di tempat yang asing dan tidak berpenghuni, tetapi Hajar reda kerana itu merupakan perintah daripada Allah SWT. Nabi Ibrahim telah berdoa kepada Allah SWT supaya memelihara mereka. Doa baginda dirakamkan dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Ya Tuhan kami, aku telah tinggalkan anak dan isteriku di padang pasir yang tandus yang tidak ada tanaman padanya di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, mereka ditempatkan di situ supaya mereka mendirikan sembahyang dan memakmurkannya dengan ibadat. Oleh itu, jadikanlah hati manusia tertarik kepada mereka dan berikanlah rezeki kepada mereka daripada buah-buahan dan hasil tanaman supaya mereka bersyukur."*

(Surah Ibrāhīm, 14:37)

Setelah Nabi Ibrahim meninggalkan mereka, Hajar memakan bekalan yang dibawanya. Setelah bekalan air habis, Hajar dan anaknya, Isma'il sangat dahaga lalu mereka mencari air di sekitar lembah itu, tetapi hampa. Setelah berulang-alik sebanyak tujuh kali mencari air antara Marwah dan Safa, akhirnya dengan izin Allah SWT keluarlah mata air di tempat berdekatan Isma'il.

Hajar menggalinya dan keluarlah air yang banyak dan dikenali dengan telaga zam zam. Disebabkan adanya telaga yang membekalkan air kepada manusia dan haiwan, akhirnya tempat itu dikunjungi orang dan membentuk penempatan manusia serta pusat perniagaan yang ulung di tengah padang pasir. Apabila umat Islam diperintahkan mengerjakan haji di situ, tempat yang di kenali sebagai Makkah itu makin maju dan berkembang.<sup>13</sup>

Disebabkan makanan adalah keperluan juga, Nabi Ibrahim telah menyediakan bekalan buah tamar dan air kepada isteri dan anaknya. Memandangkan tiada sumber makanan yang lain selain bekalan mereka, maka Nabi Ibrahim menaruh keyakinan kepada pertolongan Allah SWT agar mengurniakan makanan kepada mereka. Hasilnya mereka dikurniakan telaga zam zam yang membekalkan sumber air yang sangat penting kepada manusia.<sup>14</sup> Manusia tidak mampu untuk hidup lama jika kehabisan air kerana sebahagian tubuh manusia adalah air. Menurut Ibn 'Abbas,<sup>15</sup> air zam zam berkhasiat menyembuhkan penyakit dan juga boleh mengenyangkan sebagaimana makanan yang boleh mengenyangkan.

<sup>13</sup> Ibn Kathīr (1994), *op. cit*, hh. 138-139.

<sup>14</sup> Al-Qurṭubī (2006), *Al-Jāmi' li Aḥkam al-Qur'ān*. j. 12. Lebanon: Muassasah al-Risālah, hh. 147-148.

<sup>15</sup> Ibn Manzūr (1990), *op. cit*. j. 12, hh. 363-364.

Nabi Musa dan kaumnya pula telah diuji oleh Allah SWT dengan kelaparan semasa mereka terdampar di padang pasir yang tandus setelah terselamat daripada Firaun yang mengejar mereka merentasi lautan yang luas. Kaum Nabi Musa meminta supaya baginda memohon makanan untuk mereka. Allah SWT telah memperkenankan permohonan Nabi Musa dan mengurniakan kepada mereka makanan istimewa dari langit sebagai tanda kerasulan baginda. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Kami turunkan kepada kamu manna<sup>16</sup> dan salwa serta Kami berfirman, makanlah daripada makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu.”*

(Surah al-Baqarah, 2:57)

Walaupun begitu, kaum Nabi Musa masih tidak berpuas hati dengan makanan istimewa yang dikurniakan oleh Allah dan mereka merungut serta mahukan makanan yang lain pula. Perkara ini diceritakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan kenangkanlah ketika kamu berkata, “Wahai Musa kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian daripada apa yang tumbuh di bumi, daripada sayur-sayurannya, mentimunnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya serta bawang merahnya.” Nabi Musa menjawab, “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik. Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.” Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah.”*

(Surah al-Baqarah, 2:61)

Permintaan umat Nabi Musa yang mahukan makanan seperti sayur-sayuran, kekacang, bawang dan sebagainya kerana jemu dengan *manna* dan *salwā* merupakan satu kisah bagaimana keinginan manusia yang tidak terbatas. Keperluan yang tidak terbatas ini sangat membahayakan dan perlu dibendung dengan keimanan kepada Allah SWT. Peristiwa ini memberi gambaran betapa pentingnya makanan dan disebabkannya, manusia sanggup menderhaka kepada perintah Allah SWT.

---

<sup>16</sup> *Manna* ialah sejenis makanan yang manis pekat seperti madu yang turun seperti embun daripada langit dan jatuh ke atas batu dan daun-daun kayu, manakala *salwā* pula ialah sejenis burung. Ibn Kathir (1994), *op. cit*, h. 331.

Begitu juga Nabi Yusuf semasa memegang jawatan sebagai Menteri Perbendaharaan Mesir telah membuat polisi menggalakkan pertanian sebagai langkah untuk menjamin bekalan makanan rakyat Mesir mencukupi bagi menghadapi musim kemarau. Polisi yang dirangka oleh Nabi Yusuf itu berdasarkan petunjuk yang Allah SWT ilhamkan kepada baginda melalui mimpi Raja Mesir<sup>17</sup> yang telah melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering.<sup>18</sup>

Nabi Yusuf mentafsir mimpi tersebut dan meminta supaya rakyat bercucuk tanam dengan bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berturut-turut. Segala hasil tanaman hendaklah dituai dan disimpan bersama tangkainya kecuali yang hendak digunakan sebagai makanan. Ini kerana selepas tempoh bercucuk tanam, akan berlaku kemarau selama tujuh tahun dan tidak ada tanaman yang dapat tumbuh kerana keadaan kemarau yang teruk. Oleh itu, bekalan makanan adalah daripada makanan yang disimpan sebelumnya. Setelah itu barulah keadaan akan pulih dan orang ramai akan menikmati suasana yang baik dan hujan akan turun, serta tumbuhan akan tumbuh dengan subur.<sup>19</sup>

Polisi yang dilaksanakan oleh Nabi Yusuf ternyata berjaya. Apabila kebanyakan negara dilanda musim kemarau dan tanaman tidak dapat diusahakan selama tujuh tahun, rakyat di negara lain hidup dalam kesempitan kerana tiada bekalan makanan di negara mereka. Malah mereka datang untuk memohon bekalan makanan daripada baginda kerana mereka tidak mempunyai persediaan bekalan makanan untuk menghadapi saat genting begitu. Mereka datang untuk berdagang di Mesir dengan harapan untuk menukar barang

<sup>17</sup> Ibn Kathīr (2000), *op. cit*, hh. 46-47.

<sup>18</sup> Maksudnya: “Dan berkatalah Yusuf kepada orang yang ia percaya akan terselamat antara mereka berdua: “Sebutkanlah perihalku kepada tuanmu.” (Setelah orang itu dibebas dari penjara) maka ia dilupakan oleh syaitan untuk menyebutkan (hal Yusuf) kepada tuannya. Dengan sebab itu tinggallah Yusuf dalam penjara beberapa tahun.” (Surah Yūsuf, 12:43)

<sup>19</sup> Maksudnya: “Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam berikanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamujadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas itu, tujuh tahun yang bersanggatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh (rahmat) hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).” (Surah Yūsuf, 12:47-49)

dagangan mereka dengan bekalan makanan. Antara yang datang untuk meminta bantuan makanan itu ialah keluarga Nabi Yusuf yang telah lama berpisah dan mereka tidak mengenali baginda. Peristiwa ini diceritakan dengan panjang lebar dalam al-Qur'an.<sup>20</sup>

Polisi ini sebenarnya satu polisi yang patut dipakai oleh negara supaya mempunyai rizab makanan bagi menghadapi saat-saat yang tidak dijangka seperti musim kemarau, musim banjir, pererangan dan sebagainya, apabila pertanian tidak dapat dijalankan ataupun bekalan makanan tidak boleh diimport dari luar negara.

Nabi ‘Isa dan pengikutnya juga mempunyai kisah tersendiri berkaitan makanan. Pengikut Nabi ‘Isa yang digelar *ḥawāriyyūn* telah meminta baginda supaya berdoa kepada Allah SWT agar diturunkan hidangan makanan dari langit dengan alasan sekiranya mereka dapat memakan hidangan dari langit, iman mereka akan bertambah kental. Kisah ini diceritakan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*“Dan ingatlah ketika orang hawariyyun berkata, “Wahai ‘Isa ibn Maryam, dapatkah kiranya Tuhanmu berkenan menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit.” Nabi ‘Isa menjawab, “Bertakwalah kamu kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman.” Mereka berkata, “Kami hanya ingin hendak makan daripada hidangan itu untuk mengambil berkat dan supaya tenang tenteram hati kami dan juga supaya kami ketahuinya dengan yakin bahawa sesungguhnya engkau telah berkata benar kepada kami dan supaya menjadilah kami orang-orang yang menyaksikan.” ‘Isa ibn Maryam pun berdoa ke hadrat Allah dengan berkata, “Ya Allah, Tuhan kami turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda mukjizat daripadamu yang menunjukkan kebesaran-Mu dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkau jualah sebaik-sebaik pemberi rezeki.” Allah berfirman, “Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu berulang-ulang kepada kamu, kemudian sesiapa antara kamu kufur ingkar sesudah turunnya hidangan itu maka sesungguhnya Aku akan menyeksanya dengan azab sengsara yang tidak pernah Aku seksakan seseorang pun daripada sekalian makhluk.”*

(Surah al-Māidah, 5:112-115)

---

<sup>20</sup> Surah Yūsuf, 12:58-102.

Permintaan mereka untuk merasa hidangan dari langit itu telah ditunaikan oleh Allah SWT. Oleh sebab makanan sangat penting dan satu keperluan, Allah SWT menjadikannya satu mukjizat kepada para rasul untuk membuktikan kepada umat manusia bahawa mereka membawa risalah daripada Allah SWT.

Dalam lipatan sejarah Islam juga telah berlaku satu peristiwa di mana sewaktu tahun kesedihan, Nabi Muhammad SAW bersama umat Islam telah dikenakan sekatan ekonomi yang menyebabkan mereka tidak dapat mengakses makanan dan mereka terpaksa menahan kelaparan kerana ketidaaan makanan.<sup>21</sup>

Kesemua kisah yang berlaku dan dicatat dalam al-Qur'an menunjukkan bahawa makanan adalah sangat penting kepada manusia. Makanan bukan sekadar dimakan untuk menghilangkan rasa lapar, malah ada kalanya keperluan kepada makanan boleh menentukan tahap keimanan seseorang manusia sebagaimana yang berlaku kepada kaum Nabi Musa, 'Isa dan sebagainya.

## KONSEP SEKURITI MAKANAN

Sekuriti makanan telah didefinisikan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) sebagai akses bagi semua penduduk terhadap makanan yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan aktif. Berdasarkan polisi FAO, sekuriti makanan boleh dicapai sekiranya tiga elemen dipenuhi, iaitu:<sup>22</sup>

- i. Jaminan bahawa wujudnya makanan yang mencukupi.
- ii. Penawaran makanan yang stabil.
- iii. Sesiapa sahaja yang memerlukannya dapat memperolehnya dengan mudah.

Berdasarkan ketiga-tiga faktor ini, sudah tentu perlunya terdapat satu jaminan oleh kerajaan bahawa bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Bekalan ini sama ada diperoleh melalui aktiviti pertanian oleh negara itu sendiri, ataupun keupayaan untuk mengimportnya dari negara lain. Dalam masa yang sama, penawaran harga mestilah stabil dan makanan dijual dalam pasaran dunia pada harga yang mampu dibeli oleh negara pengimport. Rakyat pula mempunyai kuasa beli untuk membeli makanan keperluan mereka. Sekiranya ketiga-tiga faktor ini wujud akan wujudlah sekuriti makanan.

<sup>21</sup> Hugh Kennedy (1986), *The Prophet and The Age of The Caliphates*. London and New York: Longman Group Limited, h. 32; Prof. Dr. A. Syalabi (2003), *Sejarah dan Kebudayaan Islam 1*. Jakarta; Pustaka al-Husna Baru, h. 84.

<sup>22</sup> Food And Agriculture Organization Of The United Nations (1998), *The Right To Food In Theory And Practise*. Rome: FAO, h. 32.

Berdasarkan definisi ini, keadaan yang berlawanan dengan sekuriti makanan ialah ketiadaan sekuriti makanan yang boleh dikatakan sebagai kurangnya akses untuk memperoleh makanan yang mencukupi. Ketiadaan sekuriti makanan boleh berlaku secara kronik atau pada masa tertentu sahaja. Keadaan ini boleh berlaku apabila tidak ada kemampuan untuk membeli makanan atau mengeluarkan sendiri makanan keperluannya. Ada kalanya, ia disebabkan oleh tiada bekalan makanan dalam pasaran dan harga makanan yang tidak stabil. Natijah daripada keadaan ini, akan menyebabkan berlakunya kelaparan dan diet yang tidak mencukupi untuk keperluan tubuh badan yang sihat.<sup>23</sup>

Ketidakupayaan untuk mendapat makanan, sama ada untuk jangka masa yang panjang, atau pada masa yang tertentu, berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah tersebut. Pendapatan yang mencukupi menjadi faktor kemampuan untuk membeli makanan walaupun pada harga yang tinggi. Oleh itu, secara langsung sekuriti makanan mempunyai kaitan rapat dengan pendapatan seseorang. Kekurangan pendapatan atau kemiskinan, menyebabkan seseorang itu kurang berupaya untuk membeli makanan yang mempunyai diet seimbang yang mengandungi protein, karbohidrat, tenaga, zat galian, vitamin dan sebagainya.

Dari sudut pembangunan ekonomi pula, kewujudan sekuriti makanan dalam sesebuah negara amat penting kerana keupayaan penduduk sesebuah negara memperoleh makanan yang mencukupi dan diet yang sihat merupakan satu *indikator* pembangunan ekonomi sesebuah negara. Dalam indeks pembangunan ekonomi keupayaan memperoleh diet yang sihat diambil kira dalam penentuan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Oleh itu, kerajaan perlu mempunyai polisi yang jelas untuk menjamin sekuriti makanan dalam kalangan rakyat negaranya. Sekiranya kerajaan mengabaikan sekuriti makanan akan menyebabkan kemungkinan rakyatnya tidak mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan ini akan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara tersebut.

Sekitar tahun 1970an isu perdebatan tentang sekuriti makanan berkisar tentang keupayaan negara-negara mengeluarkan makanan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk yang bertambah.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Jumah, Hassan Fahmi (1988), “Food Security In Islamic Countries: Opportunities And Integration” in Subhi Qasem ed. *Food Security In The Muslim World*. Jordan: The Islamic Academy of Sciences, h. 218.

<sup>24</sup> Stringer, Randy (2000), “Food Security In Developing Countries”. CIES Working Paper No. 11, Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=231211>, akses 20 Jun 2007.

Semasa Deklarasi Rom tentang Sekuriti Makanan Dunia telah dipersejuaui bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk menghapuskan kelaparan dalam kalangan masyarakat dunia.<sup>25</sup> Kemiskinan merupakan penyebab utama kepada tiada jaminan sekuriti makanan. Selain itu, konflik, keganasan, rasuah dan masalah alam sekitar juga menjadi ancaman kepada sekuriti makanan.<sup>26</sup>

Untuk memastikan wujudnya sekuriti makanan, pemerintah di negara-negara membangun merangka pelbagai strategi seperti meningkatkan pengeluaran makanan negara, campur tangan kerajaan dalam pasaran, agihan makanan kepada masyarakat awam dan menjaga supaya stok makanan negara mencukupi. Bantuan makanan pula sama ada diberikan untuk masa-masa kecemasan akibat bencana atau dirangka program-program khusus untuk pemberian bantuan makanan. Bantuan makanan juga merupakan strategi menjamin sekuriti makanan.<sup>27</sup>

FAO juga mewujudkan program khusus untuk menangani masalah sekuriti makanan yang dinamakan *Special Programme for Food Security* (SPFS) bertujuan mengurangkan separuh daripada angka kelaparan pada tahun 2015. Pada masa ini, terdapat 852 juta orang yang tidak terjamin keselamatan makanan mereka. Melalui projek di lebih daripada 100 buah negara SPFS berusaha mencari jalan penyelesaian bagaimana menghapuskan kelaparan, kekurangan makanan berzat dan kemiskinan.<sup>28</sup>

Kajian oleh Sen, Ravallion, Dreze & Sen, Dreze & Sen, Ravallion menunjukkan bahawa walaupun bekalan makanan penting untuk membolehkan pengguna memperolehnya tetapi keupayaan untuk memperoleh makanan oleh setiap individu adalah halangan utama. Keupayaan untuk memperoleh makanan bergantung kepada keupayaan individu memperoleh sumber, teknologi, pasaran, jalinan sosial dan program pindahan makanan.<sup>29</sup>

Sen telah membuktikan bahawa hak untuk mendapat makanan adalah sangat penting sebagaimana yang berlaku semasa kebuluran di Ethiopia pada

<sup>25</sup> Food and Agriculture Organization, <http://www.fao.org/docrep/003/w3613e/w3613e00.htm#Note1>, 22 Jun 2007.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Haddad, L., Frankenberger, T. (2003), “Integrating Relief and Development to Accelerate Reductions in Food Insecurity in Shock-Prone Areas”, USAID Office of Food for Peace, Occasional Paper No. 2, Washington DC, USA dan Shaw, D. (2002), “Food Aid In Sub-Saharan Africa: Policy Lessons For The Future”, *Canadian Journal Of Development Studies* XXIII (3), 571–599.

<sup>28</sup> Food and Agriculture Organization, <http://www.fao.org/spfs/>, 22 Jun 2007.

<sup>29</sup> Stringer, Randy (2000), *op. cit.*

tahun 1972-1974, keluaran makanan, bekalan dan penggunaan pada peringkat negara adalah pada tahap yang normal. Walau bagaimanapun 50 hingga 200 ribu penduduk mati kebuluran. Mereka mati kerana tidak mampu membeli makanan.<sup>30</sup>

Kenyataan Sen ini turut disokong oleh Piaseu dan Mitchell<sup>31</sup> yang telah mengkaji tahap sekuriti makanan dalam kalangan golongan miskin di kawasan bandar di Thailand setelah berlaku krisis ekonomi pada tahun 1997. Hasil kajian mendapati bahawa kemiskinan mempengaruhi tahap sekuriti makanan dalam kalangan masyarakat miskin di kawasan bandar di Thailand. Malah kajian oleh Cook dan Frank juga melihat bahawa kemiskinan mempunyai kaitan rapat dengan ketidakmampuan mendapat sekuriti makanan dalam kalangan kanak-kanak yang miskin ini akan membantutkan pembangunan dan pertumbuhan mereka.<sup>32</sup>

Dari perspektif negara-negara maju, kajian oleh LeBlanc *et al*<sup>33</sup> mendapati bahawa negara yang maju seperti Amerika Syarikat juga mengalami masalah berkaitan sekuriti makanan, iaitu pada tahun 2005 didapati terdapat 10.7 peratus daripada rakyatnya berada dalam keadaan yang tidak terjamin dari segi sekuriti makanan mereka. Keadaan ini disebabkan oleh kemiskinan yang dialami oleh mereka. Oleh itu, kerajaan menjalankan beberapa program bertujuan membantu jaminan sekuriti makanan dalam golongan miskin.

Oleh itu, Christopher B. Barrett<sup>34</sup> menjelaskan bentuk-bentuk program bantuan makanan boleh dilaksanakan untuk membantu masyarakat miskin atau yang memerlukan supaya sekuriti makanan mereka terjamin. Bantuan makanan ini perlu diagihkan apabila sesuatu negara menghadapi bencana alam atau ketiadaan bekalan dan sebagainya yang memerlukan keprihatinan masyarakat dunia membantu golongan-golongan yang memerlukan ini.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Noppawan Piaseu, Pamela Mitchell (2004), “Household Food Insecurity Among Urban Poor in Thailand”, *Journal of Nursing Scholarship*, 36 (2) , 115–121 doi:10.1111/j.1547-5069.2004.04023.x

<sup>32</sup> John T. Cook, Deborah A. Frank (2007), *Food Security, Poverty, and Human Development in the United States* doi:10.1196/annals.1425.001

<sup>33</sup> Michael LeBlanc, Betsey Kuhn, James Blaylock (2005), “Poverty Amidst Plenty: Food Insecurity In The United States”, Vol. 32, 2005. Issue(Month): s1 (01), 159-173, Handle: RePEc:bla:agecon:v:32:y:2005:i:s1:h:159-173, <http://ideas.repec.org/a/bla/agecon/v32y2005is1p159-173.html>

<sup>34</sup> Christopher B. Barrett, “Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives”, <ftp://ftp.fao.org/docrep/fao/009/ag037e/ag037e00.pdf>, akses 20 Mei 2008.

Dalam rangka menangani masalah ketidakstabilan harga makanan bagi menjamin sekuriti makanan, Timmer dan Dawe<sup>35</sup> mencadangkan supaya kerajaan melabur dari segi pembangunan insan di kawasan-kawasan luar bandar untuk membaiki produktiviti buruh dan membiarkan beras diniagakan dalam pasaran dunia mengikut perdagangan pasaran bebas supaya harga beras lebih stabil.

Larry Chee-Yoong Wong<sup>36</sup> pula telah menekankan kepada strategi negara yang perlu mempunyai tahap sara diri pertanian untuk kelangsungan sekuriti makanan dan mengurangkan kadar import makanan dari luar negara kerana ia boleh menyebabkan negara berada dalam keadaan yang tidak terjamin dari sudut sekuriti makanan. Contohnya di Malaysia kajian oleh Fatimah Mohd Arshad dan Mad Nasir Shamsudin<sup>37</sup> mendapati bahawa polisi untuk menjamin sekuriti makanan telah dirangka dengan pengenalan Dasar Pertanian Negara I dan II namun defisit import yang besar telah memberi kesan kepada imbalan dagangan negara. Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fazim Othman<sup>38</sup> turut menekankan supaya pertanian diberi perhatian yang serius untuk memastikan bekalan makanan negara mencapai tahap sara diri dan tidak bergantung kepada import semata-mata.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan sekuriti makanan dari sudut pandangan Syariah merangkumi pengertian definisi sekuriti makanan dan mekanisme agihan makanan dalam Islam. Oleh kerana mekanisme agihan ini adalah satu ibadat maka jaminan bahawa masyarakat akan mendapat bekalan makanan tersebut adalah tinggi kerana motivasi umat Islam untuk mengagihkan makanan sebagai satu ibadat itu dijamin bahawa mereka akan mendapat pahala di akhirat nanti.

---

<sup>35</sup> C. Peter Timmer, David Dawe (2007), “Managing Food Price Instability in Asia: A Macro Food Security Perspective”, *Asian Economic Journal* 21 (1), pp. 1-18. doi:10.1111/j.1467-8381.2007.00244.x, akses 19 Mei 2008

<sup>36</sup> Larry Chee-Yoong Wong , “Food Security and Growth: Malaysia’s Strategic Approach and Future Adjustments1”, <http://www.isis.org.my/files/pubs/papers/LWFoodSecurity&EconomicGrowth.pdf>, akses 20 Mei 2008.


<sup>37</sup> Fatimah Mohd Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, “Sekuriti Makanan dan Isu Tanah Pertanian”, <http://www.econ.upm.edu.my/~fatimah/tanah.htm>, akses 23 April 2008.

<sup>38</sup> Nur Annizah Ishak and Pazim @ Fazim Othman (2005), “Food Security in Malaysia From Islamic Perspective”, *Jurnal Syariah*, 13 (2), hh. 1-15.

## KONSEP SEKURITI MAKANAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH

Secara tabiinya manusia memerlukan makanan untuk kelangsungan hidupnya. Oleh sebab itu Islam melihat makanan sebagai keperluan yang *darūriyyah* dalam kehidupan manusia. Malah dalam penurunan Syariah kepada manusia, Islam melihat bahawa menjaga nyawa merupakan antara salah satu *maqāsid al-Syari'ah*. Oleh itu dalam penentuan hukum dan perundangan Islam menitikberatkan bahawa sesuatu hukum itu mengambil kira aspek menjaga nyawa. Antara elemen penting dalam menjaga nyawa ialah keperluan kepada makanan. Maka Islam menetapkan bahawa makanan merupakan perkara *darūriyyah* yang perlu dipenuhi oleh setiap manusia dan memerlukan kepada peraturan bagaimana semua manusia boleh mendapat makanan. Berdasarkan definisi sekuriti makanan yang diberikan oleh FAO, adalah dirumuskan bahawa dari perspektif Syariah, halal dan *tayyibah* merupakan elemen yang wajib ada dalam definisi sekuriti makanan.

Rajah 2: Definisi Sekuriti Makanan



Rajah 2 memaparkan rumusan definisi ini. Syariah menekan halal dan *tayyibah* berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 168 dan surah al-Mā'idah ayat 88:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْمَا فِي الْأَرْضِ حَلَالاً طَبِيَّاً وَلَا تَتَعَمَّوْ خُطُوَّتِ  
 أَلْشَيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

“Wahai sekalian manusia! makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

(Surah al-Baqarah, 2: 168)

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

“Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, Iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman.”

(Surah al-Mā’idah, 5: 88)

Apabila Allah memerintahkan supaya umat Islam memakan makanan yang halal dan *tayyibah*, kewajipan ini merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan. Ia dapat difahami daripada *lafz amr* (كلوا) di atas kerana *lafz amr* itu membawa kepada hukum wajib dilaksanakan. Berdasarkan kaedah usul fiqh, *lafz amr* membawa kepada hukum wajib. Oleh sebab umat Islam wajib memakan makanan yang halal dan *tayyibah*, sudah tentu dalam menetapkan definisi sekuriti makanan elemen halal dan *tayyibah* perlu diambil kira.

Oleh itu, dalam situasi sekiranya ada bekalan makanan yang “tidak halal” yang banyak, harga yang stabil dan mudah diperoleh, ia belum mencapai tahap sekuriti makanan bagi masyarakat Islam. Contohnya, sekiranya seseorang hidup di negara yang tiada bekalan makanan yang halal, maka Muslim tersebut menghadapi ancaman untuk mencapai tahap sekuriti makanan beliau mengikut aturan Syariah yang sebenar.

Sungguhpun elemen halal perlu ada dalam menjamin sekuriti makanan dari sudut syariah, namun Islam memberi kelonggaran kepada umatnya apabila mereka menghadapi saat-saat yang genting di mana tiada makanan yang halal, mereka dibenarkan memakan makanan yang haram demi menjaga nyawa seseorang. Kelonggaran ini dapat difahami berdasarkan dalil al-Qur'an, iaitu dalam Surah al-Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.”*

(Surah al-Baqarah, 2: 173)

Berdasarkan ayat ini, para sarjana Islam menyimpulkan bahawa dalam keadaan darurat dibenarkan untuk memakan bangkai, daging yang tidak disembelih kerana Allah serta seumpamanya. Pandangan ini juga dapat dirumuskan berdasarkan kaedah fiqh:

### الضرورات تبيح المحظورات

*“Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan.”<sup>39</sup>*

Maksudnya dalam keadaan darurat dibenarkan untuk memakan perkara-perkara yang diharamkan tersebut. Kaedah ini bermaksud keadaan kemudaratan itu membolehkan dan mengharuskan perkara yang ditegah atau dilarang. Ia merupakan kaedah dan hukum pengecualian dalam keadaan terdesak dan terpaksa mengharuskan perkara yang tidak diharuskan ketika keadaan biasa.<sup>40</sup>

Sungguhpun begitu, syariah juga memberi garis panduan bahawa kebenaran memakan makanan yang haram ini bukanlah satu keharusan yang mutlak, sebaliknya dibataskan dengan kaedah fiqh, iaitu:

### الضرورات تقدر بقدرتها

*“Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya.”<sup>41</sup>*

Berdasarkan kaedah ini, umat Islam yang dalam keadaan terpaksa dibolehkan memakan makanan yang diharamkan itu dalam kuantiti yang cukup untuk menjaga nyawanya sahaja dan tidak dibenarkan memakannya secara berlebih-lebihan melebihi kuantiti yang diperlukan untuk kelangsungan hidup. Secara khususnya, keadaan darurat yang diharuskan atau dibolehkan kerana

<sup>39</sup> Ibn Nujaym, Zayn al-‘Ābidīn Ibn Ibrāhīm (1968), *Al-Ashbāh wa al-Nazāir ‘alā Madhhab Abī Hanīfah al-Nu’mān*. Kaherah: Muassasah al-Halabī, h. 85.

<sup>40</sup> Al-Qurṭubī (2006), *op. cit.* j. 3, hh. 37-42.

<sup>41</sup> Ibn Nujaym (1968), *op. cit.*, h. 86.

kemudaratan atau ada kemudaratan itu dinilai berdasarkan kadar kemudaratan tersebut. Oleh itu, ia tidak boleh dengan cara berlebihan dan melampaui batas. Hukum harus tersebut hanyalah sekadar untuk menghilangkan kemudaratan yang sedang menimpa.<sup>42</sup>

Dalam pada itu, apabila kemudaratan atau sesuatu keadaan yang memaksa itu telah hilang, keharusan terhadap apa yang didasarkan kepada kemudaratan itu menjadi hilang juga. Ini bermaksud hukum yang membolehkan memakan makanan yang halal akan bertukar menjadi hukum asal, iaitu “memakan makanan yang haram itu haram” apabila keadaan darurat itu telah tiada. Hukum ini ditentukan berdasarkan kaedah fiqh:

### ما جاز لعذر بطل بزواله

“Apa yang diharuskan disebabkan keuzuran, batal apabila hilang keuzuran tersebut.”<sup>43</sup>

Kaedah ini menjelaskan bahawa syariah sangat serius menjaga supaya umat Islam perlu memakan makanan yang halal. Walaupun kelonggaran diberikan untuk memakan makanan yang diharamkan dalam keadaan darurat, tetapi kadar yang dibenarkan hanyalah dalam kuantiti yang perlu untuk memastikan kelangsungan nyawa sahaja. Apabila darurat telah hilang, maka wajib mematuhi hukum asal, iaitu syariah hanya membenarkan makanan yang halal. Melihat kepada penekanan syariah terhadap kehalalan dan *tayyibah* makanan ini dapat dirumuskan bahawa dalam memberikan definisi terhadap sekuriti makanan elemen halal dan *tayyibah* perlu dimasukkan dalam definisi sekuriti makanan menurut perspektif syariah.

Konsep *tayyibah* pula menitikberatkan aspek makanan yang dimakan itu adalah makanan yang berkualiti yang elok dan selamat dimakan. Memakan makanan yang elok dan berkualiti ditekankan dalam Islam kerana makanan yang sebegini dapat menjamin supaya makanan ini dapat membentuk pertumbuhan fizikal seseorang itu sihat dan cerdas. Oleh itu, Islam melarang memakan makanan yang mengandungi bahan yang membahayakan, racun atau sebarang unsur yang boleh membahayakan kesihatan kerana syariah amat menitikberatkan penjagaan nyawa dan akal seseorang.<sup>44</sup> Memakan makanan

<sup>42</sup> Al-Qurṭubī (2006), *op. cit*, hh. 37-42.

<sup>43</sup> Muṣṭafā Ahmad al-Zarqā (2007), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, vol. 2, Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 189; Al-Sadlan (t.t), Saleh Ghanam, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubra*, Riyadh: Dar Balansiyah, h. 282.

<sup>44</sup> Ibn Kathīr (2000), *op. cit*. j. 2, h. 144.

yang beracun dan tidak elok sememangnya boleh membahayakan kesihatan dan ini akan membawa kepada kerosakan tubuh badan seseorang individu.<sup>45</sup>

Bagi tujuan pematuhan oleh para pengguna terhadap perlunya memakan makanan yang halal dan *tayyibah*, pihak berkuasa memainkan peranan yang penting. Di Malaysia contohnya konsep *halālan tayyibah* telah menjadi satu standard dalam pemilihan serta pengeluaran makanan halal bagi seluruh umat Islam. Contohnya, JAKIM telah meletakkan garis panduan penyediaan makanan dan minuman yang dibolehkan kepada umat Islam dan menitikberatkan perlunya tidak dimasukkan bahan-bahan yang tidak berasun dalam makanan.<sup>46</sup>

## POLISI ISLAM UNTUK MENCAPAI SEKURITI MAKANAN

Menjaga nyawa merupakan salah satu daripada perkara yang diambil berat dalam *maqāṣid al-Syariāh* dan salah satu cara menjaga nyawa ialah seseorang itu perlu memperoleh makanan untuk hidup.<sup>47</sup> Oleh itu, syariah telah menyediakan cara agar setiap individu memperoleh makanan. Polisi yang disyariatkan tersebut boleh diklasifikasikan mengikut tiga elemen yang telah dirumuskan oleh FAO, iaitu:

Jadual 1 : Perbandingan Elemen Sekuriti Makanan

Elemen Untuk Mencapai Sekuriti Makanan	Polisi Islam Untuk Mencapai Sekuriti Makanan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaminan bahawa wujudnya makanan yang mencukupi.</li> <li>• Penawaran makanan yang stabil.</li> <li>• Sesiapa sahaja yang memerlukannya boleh memperolehnya dengan mudah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Galakan pertanian.</li> <li>• Larangan penyorongan barang.</li> <li>• Jual beli bagi yang mampu membeli dan mekanisme agihan makanan.</li> </ul>

<sup>45</sup> Asmak Ab. Rahman (2005), “Pemikiran Ekonomi Islam dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia” (Tesis Doktor Falsafah, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya), h. 183.

<sup>46</sup> JAKIM, [http://www.halaljakim.gov.my/corporate.php?ID=80&parent\\_id=79](http://www.halaljakim.gov.my/corporate.php?ID=80&parent_id=79), akses 16 Nov 2009.

<sup>47</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Lubnan: Dār al-Fikr al-Mu‘asir, hh. 217-219

Bagi menjamin sekuriti makanan wujud dalam masyarakat, Islam menggariskan mekanisme tertentu untuk memastikan semua orang mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan mengelakkan kelaparan dalam kalangan masyarakat. Islam menyediakan cara yang jelas bagaimana sekuriti makanan boleh dicapai. Cara tersebut pula disyariatkan dengan nyata dan jelas yang membolehkan sekuriti makanan dalam kalangan umat Islam adalah sesuatu yang pasti kerana umat Islam akan melaksanakan mekanisme ini bukan atas dasar tanggungjawab sosial semata-mata, sebaliknya atas rasa kesedaran bahawa ianya satu suruhan dan perintah dalam agama Islam. Atas kepercayaan dan keyakinan bahawa perlakuan mereka akan mendapat ganjaran baik daripada Allah SWT, ia menjadi satu motivasi kepada mereka untuk memenuhi tanggungjawab mengeluarkan zakat dan menuaikan ibadat-ibadat lain.

Islam menggalakkan supaya umat Islam menjalankan aktiviti pertanian sebagai bekalan makanan kepada diri sendiri dan masyarakat. Oleh itu, wujudnya konsep menyuburkan tanah, konsep pawah dan sewaan tanah serta polisi-polisi lain yang melibatkan galakan kepada aktiviti pertanian dan penternakan.<sup>48</sup>

Kerajaan juga memainkan peranan dari segi penguatkuasaan undang-undang agar tidak berlaku penyorokan barang makanan yang boleh membawa kepada kenaikan harga dalam pasaran dan mengakibatkan orang yang kurang mampu tidak dapat membeli makanan pada harga yang tinggi. Apabila berlaku permintaan yang tinggi dan penawaran yang kurang, kebarangkalian untuk harga naik adalah tinggi. Oleh itu dalam konteks ini, penyorokan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga adalah dilarang dalam Islam, apakah lagi bagi barang keperluan asasi seperti makanan. Larangan kepada penyorokan barang makanan ini terkandung dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Tidaklah seseorang melakukan penyorokan kecuali orang yang bersalah.”<sup>49</sup>*

Dalam konteks keupayaan rakyat untuk memperoleh makanan, Islam telah menyediakan mekanisme-mekanisme tertentu bagaimana bekalan makanan ini dapat diperoleh oleh sesebuah masyarakat. Jual beli makanan dalam


<sup>48</sup> Asmak Ab. Rahman (2006), “Kepentingan Ekonomi Pertanian dari Perspektif Islam dan Amalannya di Kalangan Pesawah Padi di Selangor”, *Jurnal Syariah*, 14 (1), hh. 53-76; al-'Iyadi Ahmad Subhi Ahmad Muṣṭafa (1999), *Al-Amn al-Ghizā'i fi al-Islām*. Dar al-Nafais: Amman, hh. 51-68.

<sup>49</sup> Ibn Ḥanbal, Ahmad bin Muḥammad (1995), *Al-Musnad*, hadith no. 15698, 15699, 15700, 15701, 27122, 27123. Jil. 12 dan 18. Kaherah: Dar al-Hadith.

pasaran adalah mekanisme yang membolehkan orang yang mempunyai wang memperoleh makanan keperluan mereka. Penyorokan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga barang keperluan terutamanya makanan asasi adalah diharamkan dalam Islam dan menyalahi etika jual beli dalam Islam. Pengharaman aktiviti penyorokan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga adalah langkah Islam untuk menjaga kebajikan pengguna.<sup>50</sup>

Bagi golongan yang tidak mempunyai wang untuk memperoleh makanan melalui mekanisme jual beli, Islam membantu mereka melalui agihan makanan secara langsung kepada mereka dengan adanya kewajipan seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3 berikut:


Rajah 3: Mekanisme Agihan Makanan Mengikut Ketetapan Syariah



Makanan yang diagihkan itu merangkumi pelbagai jenis makanan yang diperlukan oleh tubuh badan untuk kehidupan yang sihat sebagaimana yang termuat dalam Rajah 4.

<sup>50</sup> Ahmad Subhi Ahmad Mustafa (1999), *Al-Amn al-Ghizā'i fi al-Islām*. Dār al-Nafāis: Amman, hh. 365-376.

Rajah 4: Bentuk Agihan Makanan




Oleh kerana masalah ketiadaan sekuriti makanan boleh berlaku dalam kalangan masyarakat miskin sebagaimana yang dibimbangi oleh Sen, Piaseu dan Mitchell, maka Islam sebagai agama yang syumul telah menyelesaikan masalah tersebut dengan mekanisme agihan yang unggul, iaitu fakir miskin merupakan golongan yang sangat diutamakan dalam pemberian makanan dalam pelaksanaan ibadat sebagaimana dijelaskan dalam Rajah 5.

Islam mengambil berat tentang kebajikan golongan fakir dan miskin dan membela nasib mereka dengan memberi bantuan melalui zakat, *fidyah*, *kifarat*, denda haji, sedekah sunat dan sebagainya untuk memastikan mereka mendapat keperluan asas kehidupan, iaitu tempat tinggal, pakaian dan khususnya makanan. Syariah menyediakan wadah untuk mencapai sekuriti makanan ini kerana Allah telah menjanjikan kepada manusia bahawa Allah tidak akan membiarkan hambanya dalam kelaparan sebagaimana dijelaskan firman Allah dalam Surah Quraisy ayat 3- 4 yang bermaksud:

*“Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah ini. Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan.”*

(Surah Quraisy, 106: 3- 4)

Rajah 5: Sumber Bantuan Kepada Fakir Miskin Mengikut Ketentuan Syariah



## KESIMPULAN

Konsep sekuriti makanan telah wujud dalam Islam berdasarkan prinsip-prinsip asas *maqāṣid al-Syārīyah*, iaitu menjaga nyawa. Makanan dan minuman adalah antara keperluan asas bagi kelangsungan nyawa seseorang. Islam melihat kepentingan makanan bukan setakat untuk memenuhi keperluan biologi sewaktu di dunia, malah Islam juga telah memberi peringatan jenis-jenis makanan di akhirat nanti bergantung di mana seseorang itu ditempatkan sama ada di syurga ataupun di neraka.

Elemen penting yang diambil berat oleh syariah untuk mengukur tahap sekuriti makanan seseorang ialah pengambilan makanan yang halal dan makanan yang *tayyibah* dan bukan sekadar makanan yang mencukupi berada dalam pasaran sesebuah negara.

Oleh sebab Islam merupakan satu agama yang syumul, maka setiap syariat yang diturunkan sememangnya bertujuan menjaga keperluan manusia terhadap

makanan khususnya ibadat zakat, aqiqah, korban, sedekah serta denda seperti kifarat, fidyah dan dam.

## RUJUKAN

- A. Syalabi (2003), *Sejarah dan Kebudayaan Islam 1*. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru.
- Ahmad Subḥī Ahmad Muṣṭafā (1999), *Al-Amn al-Ghizai fi al-Islām*. Dār al-Nafais: Amman.
- Asmak Ab. Rahman (2006), “Kepentingan Ekonomi Pertanian dari Perspektif Islam dan Amalannya di Kalangan Pesawah Padi di Selangor”, *Jurnal Syariah*, 14 (1), 53-76.
- Asmak Ab. Rahman (2005), “Pemikiran Ekonomi Islam dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia” (Tesis Doktor Falsafah, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya).
- C. Peter Timmer, David Dawe (2007), “Managing Food Price Instability in Asia: A Macro Food Security Perspective”, *Asian Economic Journal* 21 (1), 1-18, doi:10.1111/j.1467-8381.2007.00244.x, akses 19 Mei 2008.
- Christopher B. Barrett, “Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives”, <ftp://ftp.fao.org/docrep/fao/009/ag037e/ag037e00.pdf>, akses 20 Mei 2008.
- Fatimah Mohd Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, “Sekuriti Makanan Dan Isu Tanah Pertanian”, <http://www.econ.upm.edu.my/~fatimah/tanah.htm>, akses 23 April 2008.
- Food And Agriculture Organization Of The United Nations (1998), *The Right To Food In Theory And Practise*, Rome: FAO.
- Food and Agriculture Organization, <http://www.fao.org/docrep/003/w3613e/w3613e00.htm#Note1>, 22 Jun 2007.
- Food and Agriculture Organization, <http://www.fao.org/spfs/>, 22 Jun 2007.
- Haddad, L., Frankenberger, T. (2003), “Integrating Relief and Development to Accelerate Reductions in Food Insecurity in Shock-Prone Areas”, USAID Office of Food for Peace, Occasional Paper No. 2, Washington DC, USA.
- Hugh Kennedy (1986), *The Prophet and The Age of The Caliphates*, London and New York: Longman Group Limited.

- Ibn Ḥanbal, Ahmād bin Muḥammad (1995), *Al-Musnād*, hadith no. 15698, 15699, 15700, 15701, 27122, 27123, jil. 12 dan 18. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Ibn Kathīr (2000), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, jil. 2 & 13. Jizah: Muassasah Qurtubah.
- Ibn Kathīr, Isma‘il bin ‘Umar (1994), *Qaṣaṣ al-Anbiya*. Beirut: al-Dār al-Khayr.
- Ibn Manzūr, Abū Al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (1990). *Lisān al-‘Arāb*, j. 12. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Nujaym, Zayn al-‘Ābidīn Ibn Ibrāhīm (1968), *Al-Ashbāh wa al-Nazāir ‘alā Madhhab Abi Hanifah al-Nu’mān*. Kaherah: Muassasah al-Halabi.
- JAKIM, [http://www.halaljakim.gov.my/corporate.php?ID=80&parent\\_id=79](http://www.halaljakim.gov.my/corporate.php?ID=80&parent_id=79), akses 16 Nov 2009.
- John T. Cook, Deborah A. Frank (2007), *Food Security, Poverty, and Human Development in the United States*, doi:10.1196/annals.1425.001.
- Jumah, Hassan Fahmi (1998), “Food Security In Islamic Countries: Opportunities And Integration” in Subhi Qasem (edit). *Food Security In The Muslim World. Jordan*: The Islamic Academy of Sciences.
- Larry Chee-Yoong Wong, “Food Security and Growth: Malaysia’s Strategic Approach and Future Adjustments1”, <http://www.isis.org.my/files/pubs/papers/LWFoodSecurity & EconomicGrowth.pdf>, akses 20 Mei 2008.
- Michael LeBlanc, Betsey Kuhn, James Blaylock (2005), “Poverty Amidst Plenty: Food Insecurity In The United States”, Volume (Year): 32. 2005. Issue (Month): s1 (01) pages: 159-173, Handle:RePEc:bla:agecon:v:32:y:2005:i:s1:p:159173, <http://ideas.repec.org/a/bla/agecon/v32y2005is1p159-173.html>.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa’ (2007), *Syarḥ al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, vol. 2. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Noppawan Piaseu, Pamela Mitchell (2004), “Household Food Insecurity Among Urban Poor in Thailand”, *Journal of Nursing Scholarship*, 36 (2), doi:10.1111/j.1547-5069.2004.04023.x
- Nur Annizah Ishak and Pazim @ Fazim Othman (2005). “Food Security in Malaysia From Islamic Perspective”, *Jurnal Syariah*, 13 (2), 1-15.
- Qurṭubī, al- (2006), *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, jil. 3 & 12. Lebanon: Muassasah al-Risalah.

- Sadlan, Ṣāleḥ Ghanam al- (t.t), *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. Riyadh: Dār Balansiyah.
- Shaw, D. (2002), "Food Aid in Sub-Saharan Africa: Policy Lessons For The Future", *Canadian Journal of Development Studies*, XXIII (3).
- Stringer, Randy (2000), "Food Security In Developing Countries", CIES Working Paper No. 11, Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=231211>, akses 20 Jun 2007.
- Wahbah al- Zuhayli (1999), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir
- World Health Organization (2002), *World Health Report 2002: Reducing Risks, Promoting Healthy Life*. Geneva.
- Yuksel, Nalan (2005), *Halving Hunger: It Can Be Done*. London, GBR: Earthscan Publications Limited, <http://site.ebrary.com/lib/malaya/Doc?id=10128959&ppg=44>, 4 Jun 2007.